# Notis Perlindungan Data Peribadi

## Perlindungan Data Peribadi Anda adalah Penting kepada Kami

Kami, **Chubb Insurance Malaysia Berhad (9827-A)**, tekad untuk melindungi data peribadi anda dan menghormati privasi setiap individu dan penggunaan data peribadi mereka. Kami akan berurusan dengan data peribadi anda mengikuti keperluan-keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**") dan memastikan bahawa apa-apa data peribadi yang kami kumpul mengenai anda akan diuruskan dengan tahap perlindungan dan kerahsiaan yang sesuai.

## Apakah Data Peribadi Anda Yang Kami Kumpul?

Bergantung kepada tujuan tertentu, kami mungkin mengumpul data peribadi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, jantina, taraf keluarga, pekerjaan, alamat termasuk alamat e-mel, nombor telefon, butir-butir kewangan (termasuk kad kredit atau butir-butir pembayaran yang lain), pengalaman insurans yang terdahulu dan sekarang, dan informasi tentang keperluan-keperluan insurans anda.

Kami juga mungkin mengumpul data peribadi sensitif, seperti butir-butir mengenai kesihatan dan keadaan anda, sekiranya ada dan sekiranya perlu.

## Mengapakah Kami Mengumpul Data Peribadi Anda?

Kami mengumpul dan memproses data peribadi untuk tujuan memproses permohonan/cadangan insurans, penyediaan produk atau perkhidmatan berkaitan insurans atau sebarang penambahan, pindaan, perubahan, pembatalan, pembaharuan atau penyambungan, pelaksanaan penyelidikan statistik/aktuari atau kajian data, promosi produk dan perkhidmatan, dan untuk tujuan lain yang berkaitan (secara bersama, “**Tujuan**”).

## Bagaimanakah Kami Mengumpul Data Peribadi Anda?

Kami hanya akan mengumpul data peribadi dengan cara yang sah dan adil. Kami mengumpul data peribadi dari semasa ke semasa, apabila anda mengisi dokumen-dokumen; berhubung dengan kami atau wakil-wakil kami; atau memberikan ia kepada kami atau wakil-wakil kami secara peribadi, melalui telefon, atau melalui laman-laman web atau daripada pihak-pihak ketiga yang anda telah bersetuju.

## Akibat Tidak Memberi Kami Data Peribadi Anda

Walaupun anda tidak diwajibkan untuk memberi kami data peribadi anda, kami tidak dapat menimbang permohonan anda untuk perlindungan insurans atau memproses tuntutan anda jika anda tidak memberikan semua maklumat yang diminta.

## Pendedahan kepada Pihak Ketiga

Data peribadi anda mungkin akan didedahkan kepada syarikat berkaitan kami atau mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan berkaitan insurans atau insurans semula, syarikat perantara, atau sesuatu tuntutan, penyiasatan atau penyedia perkhidmatan lain dan kepada mana-mana persatuan, persekutuan atau organisasi syarikat insurans serupa yang wujud atau yang ditubuhkan dari masa ke masa untuk Tujuan tersebut atau untuk memenuhi fungsi perundangan atau peraturan atau diperlukan dengan sewajarnya demi kepentingan industri insurans. Dalam keadaan sedemikian, ia akan dilakukan mengikuti PDPA.

Kami juga mungkin akan mendedahkan data peribadi anda apabila pendedahan sedemikian diperlukan di bawah undang-undang, atas arahan-arahan mahkamah atau menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain, jika kami percaya bahawa kami mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mendedahkan data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga atau mungkin akan mendapatkan persetujuan bagi pendedahan tersebut jika anda mengetahui tentangnya, dan/atau jika pendedahan adalah berasaskan kepentingan umum.

Data peribadi anda juga boleh dipindahkan kepada syarikat-syarikat berkaitan kami dan pembekal-pembekal pihak ketiga yang mungkin terletak di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut. Sekiranya kami menggunakan penyedia perkhidmatan luar, langkah-langkah keselamatan dan kerahsiaan tertentu telah pun diambil untuk memastikan hak kerahsiaan anda tidak terjejas.

## Bagaimana untuk Mendapat Akses, Membetul, Mengemaskini atau Mengehad Pemprosesan Data Peribadi Anda

Anda boleh membuat pertanyaan, mengadu, memohon untuk mendapatkan atau membetulkan data peribadi anda, mengehadkan pemprosesan data peribadi pada bila-bila masa selepas ini atau menghentikan perlangganan pada bila-bila masa jika anda tidak lagi ingin menerima sebarang pemasaran / promosi daripada kami dengan mengemukakan permintaan tersebut menerusi:

Chubb Insurance Malaysia Berhad (9827-A)
Pengurus, Unit Khidmat Pelanggan
Wisma Chubb,
38 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian: +6 03 2058 3198
E-mel: goinsure.MY@chubb.com